



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5518 6500

Faks : 03-5510 2133

Laman Web : jpnselangor.moe.gov.my

Rujukan Kami : JPNS.STP.600-10/2/9 (98)

Tarikh : 12 Mei 2023

Semua Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-sekolah Negeri Selangor

Melalui dan salinan;

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Selangor

Tuan,

PROGRAM JOM BACA BERSAMA-SAMA UNTUK 10 MINIT TAHUN 2023

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan surat Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) Bil. (01) PPAS.LIT.600-5/1/3 (LRT 2023) bertarikh 8 Mei 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor dengan kerjasama Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor akan melaksanakan program Jom Baca Bersama-Sama Untuk 10 Minit secara serentak mengikut ketetapan seperti berikut;

Tarikh : 18 Mei 2023 (Khamis)
Masa : 11.00 – 11.10 pagi
Tempat : Organisasi masing-masing

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dan seluruh warga sekolah adalah diundang untuk menyertai program tersebut. Pihak sekolah juga dimohon untuk membuat pendaftaran peserta sekolah melalui pautan yang disediakan. Templat sijil dan bahan promosi juga boleh diperolehi melalui pautan seperti berikut;

<https://bit.ly/JomBaca2023> (pendaftaran)
<https://bit.ly/LRT-2023> (templat sijil dan bahan promosi)

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas, pihak tuan boleh berhubung dengan Puan Hafizah binti Mohamad, Penolong Pengarah, Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor melalui talian 03-55484450.

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. JAFRI BIN ABU)
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

MNH/HZM/11052023

“ Jabatan Pendidikan Selangor Terbilang ”



Surat Kami: Bil (01)PPAS.LIT.600-5/1/3 (LRT 2023)
Tarikh: 17 Syawal 1444H
8 Mei 2023

Tuan Haji Dr Jafri bin Abu
Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4,
40604 Shah Alam, Selangor D.E.

Tuan,

MEMOHON KERJASAMA MELAKSANAKAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT DI PERINGKAT SEKOLAH DAN PRA SEKOLAH BAGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukcita dimaklumkan bahawa Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) telah bersetuju untuk menganjur dan melaksanakan program **Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit** secara **SERENTAK** pada setiap tahun. Pada kebiasaannya program ini dilaksanakan antara 21-24 April setiap tahun. Memandangkan pada tahun ini bulan April adalah bulan Ramadan, pihak urus setia telah bersetuju menetapkan tarikh 18 Mei 2023 sebagai tarikh program berkenaan. Berikut ialah ketetapan program untuk perhatian pihak tuan:

TARIKH: 18 MEI 2023 (KHAMIS)
MASA: 11:00 pagi – 11:10 pagi
LOKASI CADANGAN: SEMUA SEKOLAH/PSS/PKG/TADIKA DAN TASKA SELURUH MALAYSIA

3. Sehubungan itu, pihak kami memohon persetujuan dan kerjasama dari pihak tuan bagi menyokong dan menyelaraskan program ini. Pihak kami juga ingin memohon kerjasama dari setiap sekolah yang menyertai program ini agar merekodkan jumlah penyertaan dan menghantar kepada pihak kami untuk dikumpulkan sebagai rekod pencapaian peringkat negeri. Alamat e-mel untuk urusan tersebut: urussetialrt@gmail.com.

4. Bersama-sama ini turut disertakan:

- a) poster **Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit**
- b) pautan **Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit** (pendaftaran peserta): <https://bit.ly/lrt2023>


5. Untuk mendapatkan sebarang maklumat lanjut, pihak tuan/puan boleh hubungi pegawai kami:

Encik Mohamed Fadzli bin Mohd Fauzi: 012-225 4303 atau 03-5519 7667

6. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan untuk itu didahului dengan setinggi-tinggi ucapan terima kasih. Sekian.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN PADUKA MASTURA BINTI HAJI MUHAMAD, D.S.I.S.)

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR D/A Perpustakaan Raja Tun Uda
Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

+603 5519 7667 / 5519 7679 / 5519 7682 / 5519 7685 / 5519 7691
+603 5510 4264 | info@ppas.gov.my | www.ppas.gov.my